

Cipta rekod lari pakai baju Jalur Gemilang

BERITA HARIAN 17/9/18 M/S 40

➔ Edan Syah catat 2 jam 54 minit pada acara maraton di Sydney

Edan Syah, 31, menamatkan larian dalam tempoh 2 jam 54 minit, berbanding rekod terdahulu 3 jam 29 minit.

Cabaran pertandingan cuaca sejuk, berangin

Berkongsi kejayaan itu, Edan berkata, pada awalnya beliau bimbang kerana keadaan cuaca yang agak sejuk dan berangin sebelum maraton bermula.

"Saya sangat gembira dan bangga kerana berjaya menamatkan maraton ini, sekali gus memecahkan Guinness World Records.

"Kejayaan ini juga adalah hadiah yang saya dedikasikan kepada seluruh rakyat Malaysia sempena Hari Malaysia hari ini.

"Walaupun tiada sebarang hadiah wang tunai atau hadiah daripada kejayaan ini, namun pengalaman yang diperolehi akan dikenang sepanjang hayat," katanya ketika di-

hubungi di Sydney, semalam.

Edan Syah berkata, beliau kini mahu mengembangkan lagi keupayaan lariannya dengan menyertai pelbagai acara maraton di seluruh dunia.

"Saya mempunyai perancangan untuk bertanding dalam New York Marathon pada November ini.

Mahu sertai enam acara maraton utama dunia

"Selain itu, saya menyimpan impian untuk menyertai semua enam acara maraton utama di dunia dan menamatkan larian itu dalam tempoh tiga jam

"Selain New York, acara maraton utama lain, termasuk Berlin, London, Boston, Chicago dan Tokyo. Saya berharap terus bersemangat dan berlatih dengan lebih baik lagi, bagi meningkatkan prestasi marathon untuk berjaya pada peringkat lebih tinggi," katanya.



Mohd Syahidan menamatkan larian sempena Blackmores Sydney Running Festival di Sydney, Australia, semalam, dengan memakai kostum Jalur Gemilang.